

Siri Menjana Cendekiawan Islam

Vol: 6



Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

NOOR AZIZI ISMAIL
SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



*Pendidikan Kanak-kanak
dalam Islam*

Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

NOOR AZIZI ISMAIL
SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO



Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2010

CETAKAN PERTAMA 2009
CETAKAN KEDUA 2010
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083
www.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

Dicetak oleh:
ONLINE PRINTING NETWORK SDN. BHD.
No 49-B, Jalan Anggerik Vanilla N31/N Kota Kemuning
Seksyen 31, 40460 Shah Alam
Tel/Fax: 03 5124 0458
email: onlineprint@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Noor Azizi Ismail

Pendidikan kanak-kanak dalam Islam / Noor Azizi bin Ismail, Syamsul Bahri
Andi Galigo.

Bibliografi: ms. 49

ISBN 978-967-5295-25-6

1. Child rearing--Religious aspects--Islam. 2. Parenting--Religious aspects--
Islam. I. Syamsul Bahri Andi Galigo, 1955-. II. Judul.

297.577

Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH	vii
PRAKATA	ix
BAB 1: Islam dan Kanak-kanak	1
Pendahuluan	1
Islam, Ibu Bapa dan Kanak-kanak	2
Penutup	4
BAB 2: Kanak-kanak dan Pendidikan	5
Pendahuluan	5
Peringkat Kanak-kanak	5
Kanak-kanak dan Pendidikan	6
Penutup	7
BAB 3: Tanggungjawab Ibu Bapa terhadap Anak-anak	9
Pendahuluan	9
Hak Anak-anak Sebelum Dilahirkan	9
Hak Anak-anak Selepas Dilahirkan	11
Penutup	14
BAB 4: Pendidikan Rohani Kanak-kanak	15
Pendahuluan	15
Bagaimana Islam Mendidik Rohani Kanak-kanak	15
Kaedah Mendidik Rohani Kanak-kanak	16
Penutup	19
BAB 5: Pendidikan Akhlak Kanak-kanak	21
Pendahuluan	21
Pengertian Akhlak dalam Islam	21
Pembahagian Akhlak Kanak-kanak	22
Galakan Supaya Berpegang kepada Akhlak Islam yang Mulia	22
Sifat Mahmudah dan Sifat Mazmumah	23
Mendidik Kanak-kanak dengan Akhlak Islam yang Mulia	25
Penutup	30

BAB 6: Pendidikan Emosi Kanak-kanak	31
Keperluan Emosi Kanak-kanak	31
Mendidik Perasaan Mencintai Allah di Kalangan Kanak-kanak	32
Mendidik Emosi Kanak-kanak untuk Mencintai Nabi Muhammad SAW	34
BAB 7: Pendidikan Akal Pemikiran Kanak-kanak	37
Pendahuluan	37
Pandangan Islam kepada Pendidikan Akal Pemikiran	37
Asas dalam Pendidikan Akal dan Pemikiran Kanak-kanak	38
Cara untuk Mendidik Akal dan Pemikiran Kanak-kanak	39
Penutup	41
BAB 8: Pendidikan Jasmani Kanak-kanak	41
Pendahuluan	41
Pendidikan Jasmani Kanak-kanak	41
Membentuk Kanak-kanak Cerdas	43
Zikir dan Doa Bagi Ibu yang Mengandung	45
Penutup	46
PENUTUP	47
RUJUKAN	49

Sekapur Sireh

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Program PERMATA Insan telah berjaya menerbitkan buku Menjana Cendekiawan Islam bersempena dengan Majlis Pelancaran Program PERMATA Insan.

Saya merasa amat terharu melihat perkembangan program PERMATA. Bermula dengan program PERMATA Negara yang memberikan fokus kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, program PERMATA telah mengorak langkah dengan melancarkan program PERMATA Pintar khusus untuk membangunkan potensi kanak-kanak yang pintar, cerdas dan berbakat dalam bidang akademik. Hasil kejayaan melaksanakan program PERMATA Pintar, program PERMATA Seni telah diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak yang berbakat dalam bidang seni membangunkan potensi mereka. Ini telah memberikan inspirasi kepada saya untuk melahirkan program PERMATA Insan ini. Program ini merupakan sebahagian daripada program PERMATA dengan penumpuan kepada para pelajar pintar, cerdas dan berbakat yang mempunyai kecenderungan dan kebolehan yang tinggi dalam bidang pengajian Islam.

Program PERMATA Insan ini adalah satu program yang begitu istimewa di hati saya kerana ianya dirangka khusus untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak di negara kita untuk dibangunkan potensi mereka secara optimum bagi mencapai hasrat untuk melahirkan Cendekiawan Islam yang ulung. Insya Allah akan lahirlah seorang Ibn Sina, Ibn Khaldun, Al-Ghazali dan Al-Khawarizmi dari Malaysia suatu hari nanti.

Saya amat berbangga kerana buku Menjana Cendekiawan Islam ini merupakan hasil idea dan pencernaan kreativiti para penulis yang terdiri daripada para akademik di Universiti Sains Islam Malaysia. Kandungan buku ini digarap dengan begitu baik bagi mencerminkan konsep keseluruhan program PERMATA Insan yang menekankan penguasaan dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunnah, Pembangunan Insan, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Besarlah harapan saya untuk melihat bakal sarjana dan teknokrat Islam pada masa akan datang merupakan mereka yang terdidik daripada program PERMATA ini, Insya-Allah.

Indah sulaman selendang sutera
Dipakai oleh gadis jelita
Anak-anak modal insan negara
Digilap awal tinggi nilainya

Buaian digantung di tepi titi
Anak bermain berhati-hati
PERMATA Insan program murni
Menjana Cendekiawan Islam sejati

Setinggi penghargaan dan sekalung tahniah saya rakamkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia, kepada semua penulis dan mereka yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan buku Menjana Cendekiawan Islam ini.

Sekian, terima kasih, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR

Isteri Y.A.B Perdana Menteri,

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara.

Prakata

Kebelakangan ini, gejala sosial di kalangan anggota masyarakat telah meningkat dengan begitu ketara. Masalah sosial dilakukan oleh semua peringkat anggota masyarakat tanpa mengenal jantina, bangsa, peringkat umur, tua, dewasa, remaja, pelajar-pelajar sekolah dan sebagainya. Antara gejala sosial yang paling banyak dilakukan oleh anggota masyarakat ialah rasuah, penyalahgunaan kuasa, hubungan seks bebas, sumbang mahram, hubungan sejenis antara lelaki sesama lelaki atau perempuan sesama perempuan, penagihan dadah, mencuri, merompak serta merempit.

Setelah kajian dijalankan, data-data yang didapati menunjukkan bahawa kekurangan didikan agama merupakan punca utama yang menyebabkan timbulnya gejala sosial seperti yang disebutkan sebentar tadi. Faktor lain yang dikenal pasti ialah masalah kesempitan hidup, masalah keluarga serta beberapa punca yang lain.

Pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, badan-badan swasta serta pertubuhan-pertubuhan sukarela telah mengambil tindakan untuk mengatasi gejala-gejala sosial yang timbul, namun tindakan berkenaan tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut, malahan ia semakin meningkat dari setahun ke setahun. Setelah diteliti, terdapat satu cara yang boleh mengurangkan dan kemungkinan boleh menghapuskan terus gejala sosial iaitu dengan kembali semula kepada ajaran dan didikan Islam yang sebenar. Semua anggota masyarakat patut disedarkan bahawa melakukan satu gejala sosial bererti melakukan satu maksiat yang dikira sebagai dosa dan dosa ini akan dibalas oleh Allah di hari akhirat nanti. Masyarakat juga perlu disedarkan bahawa terdapat malaikat di kiri dan kanan mereka yang mencatat segala amalan baik dan amalan buruk mereka dan amalan ini akan dihitung serta dibalas dengan syurga atau neraka. Tindakan mendidik masyarakat perlu dimulakan sejak awal iaitu penekanan diberikan kepada golongan kanak-kanak. Rohani, emosi, akal serta akhlak kanak-kanak perlu dididik dengan didikan Islam agar mereka menjadi generasi Rabbani yang dapat menyelesaikan gejala sosial yang timbul.

Semua pihak mesti terlibat untuk menjadi pendidik yang akan mendidik generasi muda memahami ajaran Islam yang sebenar. Ibu-bapa perlu bertanggung jawab mendidik anak-anak mereka supaya menjadi anak-anak yang soleh dan solehah.

Masyarakat perlu bertindak untuk mendidik dan menyelesaikan masalah sosial yang timbul. Institusi-institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti boleh berperanan menyediakan kurikulum yang mendidik generasi muda menjadi anggota masyarakat yang soleh. Negara seterusnya patut mengambil tindakan yang sesuai untuk mengurangkan masalah sosial dan mendidik rakyatnya dengan didikan Islam yang sebenar. Jika semua pihak berusaha sedaya-upaya untuk menyelesaikan gejala sosial yang timbul, insya-Allah negara kita akan menjadi contoh kepada negara-negara yang lain.

Penutup

Pendidikan merupakan satu istilah yang memberi makna dan maksud yang besar kepada manusia sama ada mereka terdiri dari golongan muda, remaja, dewasa atau tua. Walaupun kesemua golongan manusia perlu dididik, Islam memberikan perhatian yang amat besar kepada pendidikan kanak-kanak kerana mereka merupakan asas kepada pembinaan sesuatu bangsa. Pepatah Arab menyebutkan bahawa jika kita ingin melihat generasi masa depan lihatkan kepada golongan kanak-kanak sekarang. Negara-negara maju menjadikan bidang pendidikan sebagai bidang yang paling penting dan kerajaan mereka memperuntukkan bajet yang amat besar untuk meningkatkan mutu pendidikan di negara berkenaan.

Umum mengetahui bahawa manusia terdiri dari beberapa unsur utama di dalam diri mereka iaitu unsur fizikal atau jasmani, unsur rohani, unsur emosi serta unsur akli. Kesemua unsur ini perlu dididik dan diperkembangkan secara seimbang bagi melahirkan kanak-kanak dan generasi masa depan yang seimbang. Mengabaikan salah-satu dari unsur-unsur itu akan menjadikan kanak-kanak membesar dengan secara tidak seimbang. Kanak-kanak perlu dididik rohani mereka supaya beriman dengan sebenar-benar keimanan kepada Allah. Antara cara yang boleh digunakan untuk mendidik kanak-kanak supaya mempunyai iman yang kukuh kepada Allah ialah dengan sentiasa memperdengarkan kepada mereka kalimah syahadat. Antara cara lain yang boleh digunakan ialah meminta kanak-kanak menghafaz ayat-ayat al-Quran dari surah-surah yang mudah. Pendidikan lain yang perlu diberikan perhatian bagi membentuk kanak-kanak yang seimbang ialah pendidikan rohani, pendidikan akhlak, pendidikan emosi serta pendidikan fizikal.

Masalah yang timbul hari ini seperti pembuangan bayi secara berleluasa, penagihan dadah, merempit, bohsia dan sebagainya adalah berpunca dari kurangnya didikan khususnya didikan agama. Masalah yang lain ialah berpunca dari keadaan keluarga yang menghadapi masalah seperti penceraian ibu-bapa, masalah ekonomi rumah-tangga dan sebagainya. Kesemua masalah berkenaan boleh diatasi dengan memberikan kanak-kanak didikan agama yang sesuai. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah Islam telah menyediakan garis panduan yang sesuai untuk mendidik kanak-kanak menjadi seorang yang beriman, bertakwa dan mempunyai kekuatan akhlak yang mulia.

Rujukan

- Abdul al-Karim Bakar. 2006. *Bina al-Ajyal*. Riyadh: Majallah al-Bayan.
- Aishah Hasan. 1988. *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ali Abdul Halim Mahmud. 1992. *Tarbiyyah al-Nasyi' al-Muslim*. Mansurah: Dar al-Wafa' lil-Tibaah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Hasan Judah. 2004. *Min Akhlak al-Mukminin*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Hassan Judah. 2002. *Fi Rihab al-Iman*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Hidayatullah Ahmad al-Syas. 2008. *Al-Tarbiyyah Al-Amaliyyah*. Kaherah: Dar al-Salam lil al-Tibaah wa al-Nasyr wa al-Tauzi' wa al-Tarjamah.
- Hannan Atiyyah. 2008. *Al-Daur Al-Tarbawiyy Lil Walidain*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- Muhammad bin Syakir Al-Syarif. 2007. *Nahw Tarbiyyah Islamiyyah Rasyidah*. Riyadh: Majallah al-Bayan.
- Saad Riyadh. 2008. *Aba' Wa Abna'*. Kaherah: Ibda' Lil Al-'lam Wa Al-Nasyr.



Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Pendidikan memainkan peranan utama untuk mengubah manusia daripada kehidupan yang penuh kesusahan kepada kehidupan yang penuh dengan kesenangan. Pendidikan juga mampu mengubah masyarakat yang jahil kepada masyarakat yang bertamadun. Islam menegaskan bahawa pendidikan amat penting untuk mengubah nasib umat Islam dari kemunduran kepada kemajuan. Pendidikan Islam juga akan menyelesaikan masalah-masalah sosial yang menimpa masyarakat. Islam menggalakkan agar seluruh lapisan masyarakat mencari ilmu pengetahuan supaya mereka boleh menjadi masyarakat yang terdidik. Islam juga memberikan perhatian yang amat besar untuk mendidik dan mengubah diri kanak-kanak. Rohani, jasmani, akhlak dan fizikal kanak-kanak perlu dididik dengan didikan Islam yang sebenar. Cara yang boleh digunakan untuk mendidik rohani, emosi dan akhlak kanak-kanak ialah dengan membacakan mereka al-Quran, membaca hadis dan sirah Nabi Muhammad, mengajar mereka berdoa, berpuasa serta berwirid untuk mengingati Allah SWT.

ISBN 978-967-5295-25-6



9 789675 295256